

Tarikh : 18 December 2024

No. Rujukan : EV01060002

Kepada : Pihak Berkepentingan

Tuan/Puan,

**UNDANGAN UNTUK MEMBERI KOMEN TERHADAP AUDIT PEMANTAUAN MSPO KE ATAS VANCE BIOENERGY SDN. BHD.**

Vance Bioenergy Sdn. Bhd. telah melantik SIRIM QAS International Sdn. Bhd. untuk menjalankan audit pensijilan terhadap "Malaysian Sustainable Palm Oil" (MSPO), MS 2530:2022 di unit pengurusannya.

MSPO MS 2530:2022 adalah standard kebangsaan yang membolehkan peladang/pekebun kecil dan pengilang kelapa sawit untuk meningkatkan aspek kelestarian dalam pengeluaran minyak sawit. Dengan pensijilan MSPO ini, peladang/pekebun kecil dan pengilang kelapa sawit dapat membuat kenyataan umum mengenai produk mereka yang dikeluarkan secara lestari.

Berikut adalah merupakan aspek-aspek kelestarian yang dibincangkan dalam Standard MS 2530:2022 Malaysia:

- Komitmen dan tanggungjawab pihak pengurusan
- Ketulusan
- Pematuhan kepada undang-undang
- Tanggungjawab sosial, kesihatan dan keselamatan pekerjaan
- Pemeliharaan alam sekitar, sumber asli, kepelbagaian bio dan ekosistem
- Amalan pertanian terbaik
- Pembangunan untuk penanaman pokok sawit baru

Lanjutan daripada ini, adalah dimaklumkan audit MSPO akan dijalankan seperti berikut:


- |    |                                                      |                                                                                                                                                                                                                                               |
|----|------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1. | Nama unit pengurusan                                 | : Vance Bioenergy Sdn. Bhd.                                                                                                                                                                                                                   |
| 2. | Tarikh mula audit                                    | : 09 Januari 2025                                                                                                                                                                                                                             |
| 3. | Tarikh akhir audit                                   | : 10 Januari 2025                                                                                                                                                                                                                             |
| 4. | Lokasi audit                                         | : [Main Site] PLO 668 & 669, Jalan Keluli 5, Kawasan Perindustrian Pasir Gudang, 81700 Pasir Gudang, Johor Darul Takzim.<br>[Site 2] PLO 228, Jalan Nibong 5, Kompleks Perindustrian Tanjung Langsat, 81700 Pasir Gudang, Johor Darul Takzim. |
| 5. | Jumlah kawasan ladang kelapa sawit yang akan diaudit | : Tidak berkenaan                                                                                                                                                                                                                             |
| 6. | Standard yang digunakan                              | : MSPO 2530-4-2:2022                                                                                                                                                                                                                          |
| 7. | Ahli pasukan audit dan bidang kepakaran              | : 1) Suzalina Binti Kamaralarifin<br>2) Mohd Razman Bin Salim                                                                                                                                                                                 |

Berhubung dengan perkara di atas, kami ingin menjemput pihak tuan untuk memberikan maklumbalas kepada kami (sekiranya ada) mengenai isu-isu di atas dengan mengembalikan borang jawapan yang dilampirkan **sebelum 09 Januari 2025**. Jika perlu, pasukan audit akan mengaturkan mesyuarat atau perbincangan melalui telefon semasa atau sebelum audit di lokasi bagi mendapatkan maklumat lanjut. Kami memberi jaminan bahawa sumber maklumat yang diterima akan dianggap sebagai sulit dan sebarang pendedahan terhadap sumber yang diterima adalah dengan persetujuan dari pihak tuan.

Jika pihak tuan mempunyai sebarang aduan mengenai audit atau rayuan atau pertikaian terhadap keputusan pasukan audit kami, pihak kami mempunyai proses dan prosedur aduan yang boleh didapati di laman web kami <http://www.sirim-qas.com.my>.

Sekian terima kasih.

Yang benar,



Kamini A/P Sooriamoorthy

Ketua

Seksyen Makanan, Pertanian & Perhutanan  
SIRIM QAS International Sdn. Bhd.



ACB 001



ACB 001



MIBAS 003  
SAMM 085  
SAMM 086  
SAMM 087  
SAMM 240  
SAMM 377  
SAMM 734  
SAMM 735



0074



## BORANG MAKLUM BALAS

Untuk Perhatian:

Cik Kamini A/P Sooriamoorthy

Ketua Seksyen Makanan, Pertanian & Perhutanan

SIRIM QAS International Sdn Bhd

No. 1, Persiaran Dato' Menteri

Section 2, 40700 Shah Alam

Selangor Darul Ehsan.

No. Tel: 03-5544 6119 | E-mel: [kamini@sirim.my](mailto:kamini@sirim.my) / [noraishah@sirim.my](mailto:noraishah@sirim.my)

**MAKLUM BALAS MENGENAI AUDIT MSPO Di** : Vance Bioenergy Sdn. Bhd.

Saya merujuk kepada surat bertarikh ..... untuk audit MSPO di kawasan seperti di atas. Saya ingin mengesahkan bahawa:

☐ Saya tidak mempunyai isu untuk dibangkitkan terhadap audit yang akan dijalankan.

☐ Saya mempunyai isu-isu berikut terhadap audit yang akan dijalankan

☐ Isu berkaitan pematuhan undang-undang Sila huraikan : \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

☐ Isu berkaitan aspek sosial Sila huraikan : \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

☐ Isu berkaitan alam sekitar Sila huraikan : \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

☐ Isu berkaitan kesihatan dan keselamatan Sila huraikan : \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

☐ Lain-lain Sila huraikan : \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

☐ Saya ingin membuat perbincangan antara pasukan audit SIRIM dengan pihak berikut untuk lebih lanjut:

Nama : \_\_\_\_\_

Jawatan : \_\_\_\_\_

No. telefon : \_\_\_\_\_

Alamat e-mel : \_\_\_\_\_

Terima kasih

Yang ikhlas,

.....  
Nama :  
Alamat :  
No. Tel. :